

Khutbah Jumaat

11/06/1443 H

Yang berbahagia Sheikh Dr

**Abdul Muhsin
bin Muhammad AlQasim**

Imam dan Khatib Masjid An-Nabawi Asy-Syarif

Yang bertajuk

Panduan Nabi ﷺ Terhadap Pergaulan Dengan
Kanak-kanak Kecil Dan Para Pemuda



a-alqasim.com



FawaidAlQasim

PANDUAN NABI ﷺ TERHADAP PERGAULAN DENGAN KANAK-KANAK KECIL DAN PARA PEMUDA

Segala puji bagi Allah, kita memujiNya, meminta pertolongan, pengampunan dariNya, dan berlindung kepadaNya dari segala keburukan jiwa dan perbuatan yang buruk. Sesiapa yang Allah berikan petunjuk keatasnya, maka tidak akan ada yang mampu menyesatkannya, dan sesiapa yang Allah sesatkannya, maka tidak ada yang mampu memberinya petunjuk. Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, tiada sekutu bagiNya, dan aku bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba dan utusan Allah. Semoga selawat dan salam keatas junjungan baginda, keluarganya, dan para sahabatnya.

Amma ba'du:

Wahai hamba-hamba Allah, bertaqwalah kepadaNya dengan sebenar-benar taqwa, dan ingatlah bahawa Allah sentiasa mengawasi kamu semua, meskipun dalam keadaan sembunyi mahupun pada pembicaraan secara rahsia.

Wahai sekalian kaum muslimin, Allah *ta'ala* telah menciptakan satu kekuatan di dalam kehidupan, yang ianya diapit oleh dua kelemahan. Kekuatan tersebut merupakan tunggak utama kehidupan, dan hasil yang akan dipetik pada Hari Akhirat kelak. Fasa usia muda adalah kekuatan setelah fasa kelemahan, iaitu pada saat ketika keazaman menyala-nyala, dan semangat yang meninggi.

Sejarah telah mencatat peranan pemuda yang amat besar. Kaum Nabi Ibrahim –'alahissalam- berkata tentang baginda:

﴿قَالُوا سَمِعْنَا فَتَىٰ يَدُكُرُّهُمْ يُقَالُ لَهُ وَابْرَاهِيمُ﴾

“Kami mendengar seorang **pemuda** yang mencela berhala-berhala ini yang bernama Ibrahim.” (QS. Al-Anbiya’: 60).

Dan Allah *ta'ala* berfirman tentang Nabi Yahya –'alahissalam-,

﴿يُيْحَىٰ خُذِ الْكِتَابَ بِقُوَّةٍ وَءَاتَيْنَاهُ الْحِكْمَ صَبِيًّا﴾

“Dan Kami memberinya hikmah disaat masih **kanak-kanak**.” (QS Maryam: 12).

Ibnu Kathir -*rahimahullah*- berkata (tentang makna ayat di atas): “Maksudnya, (bahawa Allah telah menganugerahkan kepada Nabi Yahya 'alahissalam) pemahaman, ilmu, ketekunan, keazaman, serta menerima perkara kebaikan dan semangat memperjuangkannya, semenjak baginda masih berusia muda.”

Allah *ta'ala* juga berfirman tentang para pemuda *Ashhabu-l kahfi*,

﴿إِنَّهُمْ فَتِيَةٌ ءَامَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى﴾

“Sesungguhnya mereka adalah **para pemuda** yang beriman kepada Tuhan mereka, dan Kami tambahkan kepada mereka petunjuk.” (QS. Al Kahfi: 13).

Ibnu Katsir -*rahimahullah*- berkata (tentang makna ayat di atas): “Allah *ta'ala* menyebutkan bahawa mereka adalah para *fityah*(iaitu jamak dari *fata*), yakni para remaja. Mereka lebih mudah menerima kebenaran dan petunjuk dibanding kalangan orang-orang yang sudah

tua. Oleh karena itu, yang paling banyak menyambut seruan Allah dan Rasul-Nya adalah dikalangan pemuda.”

Demikian pula, salah satu dari tujuh golongan yang akan berada di bawah naungan Allah pada Hari Kiamat, **adalah para pemuda yang tumbuh dalam ketaatan kepada Allah.** [*Muttafaq 'alaih*]

Petunjuk yang diberikan oleh Nabi Muhammad -*sallallahu 'alaihi wasallam*- dalam bergaul bersama pemuda adalah petunjuk yang paling agung. Baginda bersikap merendahkan diri kepada mereka, duduk bersama mereka, mengunjungi, mengajari, dan memotivasi mereka, sehingga muncullah dari mereka generasi yang paling agung.

Diantara gambaran kerendahan diri baginda -*sallallahu 'alaihi wasallam*, adalah seperti yang diriwayatkan bahwa setiap kali melewati kerumunan kanak-kanak, baginda selalu mengucapkan salam kepada mereka. [HR Muslim]

Ibnu Battal -*rahimahullah*- berkata: “Tindakan Nabi -*sallallahu 'alaihi wasallam*- mengucapkan salam kepada kanak-kanak adalah bukti akan akhlak yang agung, adab yang mulia, dan kerendahan diri yang baginda miliki.”

Baginda -*sallallahu 'alaihi wasallam*- juga sangat bersemangat dalam mengajari para pemuda. Jundub bin Abdullah -*radhiyallahu'anhu*- menuturkan, “Kami pernah menyertai Nabi -*sallallahu 'alaihi wasallam*- saat usia kami masih belia -sudah mendekati masa baligh-. Ketika itu kami mempelajari tentang keimanan sebelum mempelajari Al-Quran. Kemudian kami mempelajari Al-

Quran, sehingga bertambahnya keimanan kami.” [HR. Ibnu Majah]

Nabi -*sallallahu 'alaihi wasallam*- juga menanamkan aqidah di dalam dada-dada mereka. Ibnu Abbas -*radhiyallahu'anhuma*- mengatakan, “Suatu ketika aku pernah berada di belakang Nabi -*sallallahu 'alaihi wasallam*-, kemudian baginda pun bersabda kepadaku, *‘Wahai anak muda, aku akan mengajarkan kepadamu beberapa kalimat. Jagalah Allah, niscaya Allah akan menjagamu. Jagalah Allah, maka engkau akan mendapatinya berada di hadapanmu. Apabila engkau meminta, maka mintalah kepada Allah. Dan apabila engkau meminta pertolongan, maka mintalah pertolongan kepada Allah...’*” [HR. Tirmidzi]

Baginda -*sallallahu 'alaihi wasallam*- juga berlemah lembut dalam mengajari mereka, dan dengan menggunakan pelbagai metode. Ada ketika baginda memegang tangan mereka, sebagaimana dikisahkan oleh Mu'adz -*radhiyallahu'anhu*-, “Rasulullah -*sallallahu 'alaihi wasallam*- pernah memegang tanganku, lantas bersabda, ***‘Sungguh aku mencintaimu’***” Mu'adz pun menjawab, “Dan demi Allah, aku pun mencintaimu.” Kemudian baginda bersabda, ***“Mahukah aku ajarkan kepadamu suatu doa untuk engkau panjatkan di akhir setiap solat?”*** Mu'adz pun berkata, “Ya, aku mahu.” Baginda pun bersabda, ***“Katakanlah, Allahumma a'inni 'alaa dzikrika wa syukrika wa husni 'ibadatika (Ya Allah, bantulah aku untuk berzikir, bersyukur, dan beribadah dengan baik kepadaMu).”*** [Diriwayatkan oleh Bukhari dalam *Al-Adab Al-Mufrad*]

Terkadang baginda meletakkan telapak tangan mereka di antara kedua telapak tangan baginda, seperti yang telah dikatakan oleh Ibnu Mas'ud -*radhiyallahu'anhu*-, “Rasulullah -*sallallahu 'alaihi wasallam*- pernah mengajarku (bacaan) tasyahud -dan saat itu telapak tanganku berada di antara kedua telapak tangan baginda-, sebagaimana baginda mengajarku surah dari Al-Quran.” [Muttafaq 'alaihi]

Terkadang baginda memeluk bahu-bahu mereka, sebagaimana dikisahkan oleh Abdullah bin Umar -*radhiyallahu'anhuma*-, “Rasulullah -*sallallahu 'alaihi wasallam*- pernah memeluk kedua bahunya, kemudian bersabda, ***‘Bersikaplah di dunia ini layaknya seorang yang asing, atau seorang musafir.’***” [HR Bukhari]

Lantaran kasih sayang yang baginda tunjukkan ketika mendidik mereka, seringkali para pemuda (berinisiatif untuk) mendatangi baginda dan meminta pengajaran dari baginda. Ibnu Mas'ud -*radhiyallahu'anhu*- pernah mengatakan, “Aku pernah mengatakan, ‘Wahai Rasulullah, ajari aku sesuatu dari Al-Quran ini.’ Kemudian baginda pun mengelus kepalaku dan bersabda, ***‘Sesungguhnya engkau adalah anak yang berilmu’.***” [HR Ahmad] Dan Ibnu Mas'ud pun menjadi salah satu ahli *qiraat* dari umat ini.

Baginda juga bersabar dalam mendidik mereka, sepertimana yang dikatakan oleh Jabir -*radhiyallahu'anhu*-: “Rasulullah -*sallallahu 'alaihi wasallam*- pernah mengajari kami untuk beristikharah pada setia perkara sebagaimana baginda mengajarkan kami surah dari Al-Quran.” [HR Bukhari]

Diantara tanda kasih sayang Nabi -*sallallahu 'alaihi wasallam*- kepada para pemuda dan kanak-kanak, adalah baginda biasa membonceng mereka pada tunggangan baginda, padahal saat itu baginda bersama para sahabatnya yang lebih tua. Nabi -*sallallahu 'alaihi wasallam*- pernah membonceng Usamah -*radiyallahu'anhu*- dari Arafah menuju ke Muzdalifah, juga membonceng Al-Fadhl bin Al-Abbas dari Muzdalifah menuju ke Mina. [Muttafaq 'alaihi]

Baginda juga sering memotivasi mereka untuk beribadah. Nabi -*sallallahu 'alaihi wasallam*- pernah bersabda kepada Abdullah bin Umar -*radiyallahu'anhuma*- yang pada ketika itu beliau masih kecil, “***Sebaik-baik manusia adalah Abdullah, andai ia mengerjakan solat malam!***”. Setelah mendengar itu, Abdullah pun tidak tidur pada malam hari kecuali sedikit. [Muttafaq 'alaihi]

Baginda juga menggunakan ucapan yang sangat lembut ketika memberikan arahan kepada mereka. Nabi -*sallallahu 'alaihi wasallam*- pernah bersabda kepada Khuraim Al-Asadi -*radiyallahu'anhu*-, “***Sebaik-baik manusia adalah engkau wahai Khuraim andai engkau meninggalkan dua kekurangan yang ada pada dirimu.***” Khuraim pun berkata, “Apa dua kekurangan itu, wahai Rasulullah?” Baginda pun bersabda, “***Pakaianmu yang isbal (melebihi buku lali), dan rambutmu yang kau biarkan (tanpa dirapikan atau dipotong).***”. Kemudian Khuraim pun meninggalkan kedua hal itu. [HR Ahmad]

Baginda menyayangi mereka dan sering bertanya tentang khabar keluarga mereka. Malik bin Al-Huwairits -*radiallahu'anh*- berkata, “Kami pernah mendatangi Nabi -*sallallahu 'alaihi wasallam*- ketika kami masih remaja. Kami adalah para remaja yang sebaya. Ketika itu kami tinggal di sisi Rasulullah -*sallallahu 'alaihi wasallam*- selama dua puluh hari. Saat baginda merasakan bahawa kami sudah mula merindukan keluarga kami, baginda pun bertanya tentang keluarga yang kami tinggalkan. Kami pun memberitahunya, dan sungguh baginda sangatlah lembut dan penyayang. Baginda pun bersabda, ***‘Kembalilah kalian kepada keluarga kalian. Ajari dan perintahkanlah mereka! Dan solatlah kalian sebagaimana kalian melihat aku solat.’***” [Muttafaq 'alaihi]

Meskipun Nabi -*sallallahu 'alaihi wasallam*- merupakan seorang yang sangat agung, namun baginda tetap bergurau bersama kanak-kanak kecil. Mahmud bin Ar-Rabi' -*radiallahu'anh*- berkata, “Aku masih ingat akan saat ketika Nabi -*sallallahu 'alaihi wasallam*- menyemburkan air dari mulutnya ke wajahku, ketika aku berusia lima tahun.” Yakni, sebagai tanda gurauan dari Nabi -*sallallahu 'alaihi wasallam*- kepada Mahmud -*radiallahu'anh*-. [Muttafaq 'alaihi]

Bahkan Nabi -*sallallahu 'alaihi wasallam*- bertanya tentang burung peliharaan mereka, dan juga memberi nama panggilan kepada mereka, sebagai tanda kasih sayang kepada mereka. Anas -*radiallahu'anh*- berkata, “Sungguh dahulu Nabi -*sallallahu 'alaihi wasallam*- sering bergaul bersama kami. Sehingga baginda pernah

berkata kepada adikku yang masih kecil, **‘Wahai Abu Umair! Apa yang dilakukan Nughair (burung kecil peliharaanmu)?’**” [Muttafaq 'alaihi]

Ibnu Batthal *-rahimahullah-* menjelaskan, “Nabi *-sallallahu 'alaihi wasallam-* bergurau dan mengusik kanak-kanak kecil, untuk dijadikan sebagai contoh teladan, kerana bergurau dengan kanak-kanak akan membuahkan sikap rendah diri, serta menghilangkan sifat sombong dari diri.”

Baginda juga biasa menuntun tangan mereka, mengajak mereka untuk makan di rumah baginda. Jabir bin Abdullah *-radiyallahu'anhu-* berkata, “Suatu hari Rasulullah *-sallallahu 'alaihi wasallam-* pernah menuntunku menuju rumahnya.” Kemudian baginda pun memberikan kepadaku sepotong roti. [HR Muslim]

Apabila mereka memasuki rumah baginda, baginda sering mengizinkan mereka untuk mendengar pembicaraan di rumah baginda. Ibnu Mas'ud *-radiyallahu'anhu-* berkata, “Rasulullah *-sallallahu 'alaihi wasallam-* bersabda kepadaku, **‘Tanda izin masuk bagimu adalah bila tirai telah diangkat** -yakni, apabila engkau melihat tirai penutup pintu terangkat, maka engkau boleh masuk tanpa harus meminta izin terlebih dahulu-, **dan engkau boleh mendengar pembicaraan yang aku rahasiakan, kecuali apabila aku melarangmu darinya (memasuki rumah).**” [HR Muslim]

Baginda juga sering makan bersama mereka serta mengajarkan mereka adab-adab makan. Umar bin Abu Salamah *-radiyallahu'anhuma-* berkata, “Dahulu aku adalah seorang anak kecil yang berada di bawah asuhan

Rasulullah *-sallallahu 'alaihi wasallam-*. Suatu ketika saat aku sedang makan, tanganku pun bergerak ke sana kemari mengambil makanan dari bekas makanan. Melihatkan hal itu, baginda pun bersabda kepadaku, ***'Wahai anak, sebutlah nama Allah, makanlah dengan tangan kananmu, dan makanlah makanan yang berdekatan denganmu.'***” [Muttafaq 'alaihi]

Baginda juga memenuhi undangan dari para sahabatnya yang masih kanak-kanak dan remaja. Abdullah bin Busr Al-Mazini *-radiyallahu'anhuma-* berkata, “Ayahku pernah mengutusku untuk menjemput Rasulullah *-sallallahu 'alaihi wasallam-* menghadiri jamuan makan. Baginda pun datang bersamaku. Ketika sudah dekat dengan rumahku, aku pun bergegas dan memberitahu kedua orang tuaku, kemudian mereka pun keluar untuk menyambut Rasulullah *-sallallahu 'alaihi wasallam-*.” [HR Ahmad]

Apabila baginda mendapat berita bahawa salah satu sahabatnya yang masih muda sedang sakit, baginda selalu menziarahinya. Zaid bin Arqam *-radiyallahu'anhu-* berkata, “Suatu ketika aku pernah ditimpa penyakit ‘ain, maka Nabi *-sallallahu 'alaihi wasallam-* pun menziarahiku.” [HR Ahmad]

Baginda juga selalu memantau perkembangan para sahabatnya yang masih belia, maka baginda mengarahkan mereka kepada hal-hal yang bermanfaat bagi mereka dan umat mereka. Ketika Rasulullah *-sallallahu 'alaihi wasallam-* sampai di kota Madinah, baginda mendapati bahawa Zaid bin Tsabit *-radiyallahu'anhu-* yang saat itu masih berusia lima belas

tahun adalah seorang yang mahir menulis. Maka baginda pun bersegera menjadikan Zaid sebagai penulis wahyu. Dan ketika baginda menyadari kecerdasan yang dimiliki oleh Zaid, baginda memintanya untuk mempelajari bahasa orang Yahudi, agar kemudiannya beliau bisa menterjemahkan tulisan mereka. Zaid -*radhiyallahu'anhu*- berkata, “Aku pun mempelajari bahasa mereka atas permintaan Rasulullah. Dan tidak sampai lima belas malam, aku mampu menguasainya. Aku pun membacakan surat-surat mereka kepada Rasulullah -*sallallahu 'alaihi wasallam*-, dan juga menulis balasan surat-surat tersebut untuknya.” [HR Ahmad]

Baginda juga menganjurkan kepada umatnya untuk mempelajari Al-Quran dari sahabat-sahabatnya yang mahir, meskipun mereka masih berusia muda. Baginda bersabda, “***Pelajarilah Al-Quran dari empat orang; yaitu Ibnu Ummu 'Abd (Ibnu Mas'ud), Mu'adz bin Jabal, Ubay bin Ka'ab, dan Salim maula (budak yang dibebaskan) Abu Hudzaifah***” [Muttafaq 'alaihi]

Baginda juga biasa memuji dan mengakui kedudukan mereka. Ketika mendengar bacaan Al-Quran Salim maula Abu Hudzaifah -*radhiyallahu'anhu*- yang sangat indah, dan ketika itu Salim masih kecil, baginda -*sallallahu 'alaihi wasallam*- pun bersabda, “***Segala puji bagi Allah yang telah menjadikan adanya orang seperti ini dari umatku!***” [HR Ibnu Majah]

Ketika melihat pengetahuan Mu'adz -*radhiyallahu'anhu*- (tentang agama), baginda pun bersabda, “***Orang yang paling baik pengetahuannya***

tentang halal dan haram adalah Mu'adz bin Jabal.
[HR Ahmad]

Baginda juga sering menunjukkan kecintaannya kepada para sahabatnya yang masih muda dan meluahkan (rasa cinta) secara terang-terangan kepada mereka, untuk menunjukkan kepada mereka dan orang lain kedudukan mereka di sisi baginda. Rasulullah -sallallahu 'alaihi wasallam- bersabda tentang Zaid bin Haritsah -radiyallahu'anhu-, ***“Sungguh ia adalah salah seorang yang paling aku cintai, dan sesungguhnya orang ini -yakni Usamah bin Zaid- adalah salah seorang yang paling aku cintai setelahnya.”*** [Muttafaq 'alaihi. Usamah adalah putra dari Zaid bin Haritsah]

Baginda juga medoakan kebaikan di dunia dan akhirat kepada para sahabatnya yang berusia muda, sebagai tanda sayang dan penghormatan bagi mereka. Ibnu Abbas -radiyallahu'anhuma- menuturkan, “Rasulullah -sallallahu 'alaihi wasallam- pernah memelukku seraya bersabda, ***‘Ya Allah, ajarilah Al-Quran kepadanya!’*** [HR Bukhari] Baginda juga pernah mendoakan Anas sewaktu kecil, ***“Ya Allah, perbanyaklah harta dan keturunannya, dan berkatilah dia!”*** [Muttafaq 'alaihi]

Baginda memberitahukan kepada mereka beberapa rahsia, sebagai tanda kepercayaan baginda kepada mereka. Anas -radiyallahu'anhu- berkata, “Nabi -sallallahu 'alaihi wasallam- pernah memberitahuku suatu rahsia, dan aku tidak memberitahukannya kepada orang lain. Ummu Sulaim -ibu dari Anas- pernah

bertanya kepadaku tentang rahsia tersebut, namun aku tidak memberitahukannya kepadanya.” [Muttafaq 'alaihi]

Baginda juga mengamanahkan kepada mereka pelbagai urusan penting, seperti 'Attab bin Usaid yang baginda lantik sebagai penjaga kota Makkah dan pemipinan rombongan haji kaum muslimin pada tahun kelapan Hijriyah, yang mana pada saat itu usianya belum sampai dua puluh tahun.

Diantara mereka yang paling banyak merawikan hadith Rasulullah - *sallallahu 'alaihi wasallam* – setelah Abu Hurairah ialah lima orang sahabat muda. Mereka adalah Anas bin Malik, Jabir bin Abdullah, Ibnu Abbas, Ibnu Umar, dan Aisyah -*radiyallahu'anhum*-. Mereka semua adalah dari kalangan para sahabat muda.

Baginda -*sallallahu 'alaihi wasallam*- juga bermusyawarah dengan mereka dalam menghadapi berbagai perkara penting. Ketika kejadian *Haaditsatu-l Ifk* (fitnah zina yang dituduhkan kepada Aisyah), sebelum turunnya wahyu yang menjelaskan perkara ini, baginda mengutuskan seseorang untuk meminta pendapat Ali bin Abu Thalib dan Usamah bin Zaid -*radiyallahu'anhuma* tentang perkara ini -dan keduanya saat itu masih muda belia-. [Muttafaq 'alaihi]

Di setiap majlis, baginda -*sallallahu 'alaihi wasallam*- memuliakan dan mengangkat derajat mereka, meskipun terdapat kehadiran para sahabat yang lebih tua pada majlis tersebut. Pada suatu ketika Rasulullah -*sallallahu 'alaihi wasallam*- dijamukan minuman, lalu baginda pun meminumnya. Ketika itu, di samping kanan baginda terdapat seorang anak kecil, sementara di

samping kiri baginda terdapat beberapa sahabat senior. Baginda pun berkata kepada anak itu, “**Apakah engkau mengizinkanmu untuk mendahulukan mereka?**” Anak itu pun berkata, “Tidak, demi Allah! Aku tidak akan mendahulukan seorang pun atas bahagianmu darimu.” Maka Rasulullah *-sallallahu 'alaihi wasallam-* pun memberikan minuman tersebut kepada anak itu terlebih dahulu. [Muttafaq 'alaihi]

Nabi *-sallallahu 'alaihi wasallam-* memperbesarkan suatu musibah, apabila ia menimpa kanak-kanak dan pemuda. Anas bin Malik *-radiyallahu'anhu-* mengisahkan, “Ada tujuh puluh pemuda dari kalangan *Ansar* yang dikenali sebagai *Al-Qurra'* (para penghafal Al-Quran), dan mereka semua tinggal di dalam masjid. Suatu ketika Nabi *-sallallahu 'alaihi wasallam-* mengutus mereka semua, dan mereka semua pun terbunuh pada kejadian *Bi'r Ma'unah*. Maka Nabi *-sallallahu 'alaihi wasallam-* pun terus mendoakan keburukan atas para pelaku pembunuhan mereka selama lima belas hari di setiap solat Subuh.” [HR Ahmad dan asalnya terdapat di dalam Sahih Bukhari dan Muslim]

Majoriti orang yang pertama memeluk islam dan membela Nabi *-sallallahu 'alaihi wasallam-*, usia mereka diantara lapan ke tiga belas tahun, seperti Ali bin Abu Thalib, Thalhaf bin Ubaidullah, dan Az-Zubair bin Al-Awwam *-radiyallahu'anhum-*.

Ketika orang-orang Quraisy hendak mengusir Nabi *-sallallahu 'alaihi wasallam-* dari Makkah, baginda didatangi oleh orang-orang *Ansar* dari kota Madinah, yang separuhnya berasal dari kalangan kanak-kanak

muda. Mereka berbai'at kepada baginda sebanyak dua kali di Aqabah, dan salah seorang di antara mereka adalah Jabir bin Abdullah *-radiyallahu'anhu-*.

Ketika penghijrahan, Rasulullah *-sallallahu 'alaih wasallam-* mengutus seorang pemuda ke kota Madinah, iaitu Mus'ab bin Umair *-radiyallahu'anhu-*, untuk mengajarkan Al-Quran dan pengetahuan tentang Islam kepada penduduk Madinah. Sesampainya di Madinah, Mus'ab pun tinggal di sisi seorang pemuda yang sebaya dengannya, As'ad bin Zurarah *-radiyallahu'anhu-*, yang kemudian menjadi pelindungnya di Madinah.

Ketika baginda hendak melakukan hijrah, baginda memerintahkan Ali bin Abu Thalib yang pada ketika itu beliau merupakan seorang yang berusia muda *-radiyallahu'anhu-* untuk menunda hijrahnya, agar beliau dapat mengembalikan barang-barang tinggalan yang selama ini dititipkan kepada Rasulullah *-sallallahu 'alaih wasallam-* kepada pemiliknya masing-masing.

Di tengah perjalanan hijrah, baginda dilindungi oleh para pemuda dan remaja. Ketika baginda di gua bersama sahabatnya, baginda didatangi oleh Abdullah putera Abu Bakar *-radiyallahu'anhuma-*, yang menyampaikan kepada baginda berita terkini tentang penduduk Makkah. Aisyah *-radiyallahu'anha-* berkata, “Dan dia (Abdullah) adalah seorang pemuda yang pintar dan cerdas.” [HR Bukhari] Sedangkan Asma' puteri Abu Bakar *-radiyallahu'anha-*, yang saat itu masih seorang gadis muda, membawakan makanan dan minuman untuk Rasulullah *-sallallahu 'alaih wasallam-* dan ayahandanya.

Sesampainya di kota Madinah, baginda disambut oleh kanak-kanak Madinah dengan penuh riang. Al-Bara' *-radiyallahu'anhu-* berkata, “Kanak-kanak dan pembantu pun memenuhi jalanan sambil berseru, ‘Wahai Muhammad! Wahai Rasulullah! Wahai Muhammad! Wahai Rasulullah!’” [HR Muslim]

Ketika Nabi *-sallallahu 'alaihi wasallam-* sudah menetap di kota Madinah, para sahabat baginda yang masih berada di kota Makkah pun mula berhijrah menuju kota Madinah, dan mereka merupakan para pemuda. Anas *-radiyallahu'anhu-* berkata, “Nabi *-sallallahu 'alaihi wasallam-* tiba di kota Madinah, dan tidak ada satupun dari sahabatnya yang telah beruban, selain Abu Bakar.” [HR Bukhari]

Pada peperangan Badar, Nabi *-sallallahu 'alaihi wasallam-* mengajak para sahabatnya untuk ikut berperang. Ibnu Abbas *-radiyallahu'anhuma-* berkata, “Maka para pemuda pun bergegas memenuhi ajakan baginda.” [HR Ibnu Hibban] Demikian pula pada peperangan Hunain, para pemuda dari kalangan sahabat pun ikut berperang tanpa membawa senjata.

Sebelum kewafatannya, baginda *-sallallahu 'alaihi wasallam-* menyiapkan pasukan besar untuk memerangi bangsa Romawi di Syam, dan menunjuk Usamah bin Zaid *-radiyallahu'anhu-* untuk memimpin pasukan tersebut, yang mana pada saat itu usianya baru tujuh belas tahun.

Disebabkan perlakuan Nabi *-sallallahu 'alaihi wasallam-* yang sangat baik kepada kanak-kanak, ianya telah menyebabkan mereka pun sangat mencintai

baginda. Setiap kali Nabi -*sallallahu 'alaihi wasallam*- tiba pulang dari sesuatu safar(perjalanan), kanak-kanak pasti akan keluar untuk menyambut baginda. As-Sa'ib -*radhiyallahu'anhu*- berkata, “Aku pernah keluar bersama kanak-kanak ke *Tsaniyyatul Wadaa'*, untuk menyambut kedatangan Nabi -*sallallahu 'alaihi wasallam*- dari perang Tabuk.” [HR Bukhari]

Mereka juga pernah menginap di rumah Nabi -*sallallahu 'alaihi wasallam*- bersama baginda. Rabi'ah bin Ka'ab Al-Aslami -*radhiyallahu'anhu*- berkata, “Aku pernah menginap bersama Rasulullah -*sallallahu 'alaihi wasallam*-, kemudian aku membawakan untuknya air untuk berwudu dan menunaikan hajat. Lalu baginda bersabda kepadaku, **‘Mintalah sesuatu!’** Aku pun berkata, ‘Aku berharap untuk menemanimu di Syurga.’” [HR Muslim]

Ketika menginap di rumah baginda, mereka sering meletakkan kepala mereka di sisi kepala Nabi -*sallallahu 'alaihi wasallam*- di atas bantal baginda. Ibnu Abbas -*radhiyallahu'anhuma*- pernah menginap di rumah *Ummul Mukminin* Maimunah –iaitu ibu saudara sebelah ibu dari Ibnu Abbas-. Beliau berkata, “Aku pun menyandarkan kepalaku di sisi bantal yang lebar, sedangkan Rasulullah -*sallallahu 'alaihi wasallam*- dan isterinya meletakkan kepala mereka di sisi bantal yang memanjang.” [Muttafaq 'alaihi]

Wa ba'du, wahai kaum muslimin:

Semakin tinggi akhlak seorang yang mulia, maka akan semakin tinggi pula sikap rendah dirinya terhadap

kanak-kanak. Kanak-kanak memiliki naluri untuk mencintai orang-orang yang dekat dengan mereka dan mengajari mereka. Terkadang kemampuan mereka untuk menghafal dan memahami melebihi orang-orang tua. Dan agama Islam selaras dengan fitrah mereka, sehingga mereka menyukai adab-adab dan syariat-syariat Islam ini. Mendidik mereka diatas agama merupakan tuntutan Nabi -*sallallahu 'alaihi wasallam*-, sementara meremehkan dan berpaling dari mereka bukanlah ciri orang-orang yang berakal.

A'udzu billaahi mina-sy syaithaani-r rajim,

﴿لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ
وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا﴾

“*Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu ikutan teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak mengingati Allah.*” (QS. Al-Ahzab: 21)

Semoga Allah memberkati kita semua dengan Al-Quran yang agung...

KHUTBAH KEDUA

Segala puji bagi Allah atas segala kebaikan-Nya, dan kita bersyukur kepada-Nya atas petunjuk dan nikmat-Nya. Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah selain Allah Yang Maha Esa, tiada sekutu bagiNya, sebagai tanda pengagungan atasNya. Dan aku bersaksi bahawa Nabi kita Muhammad adalah hamba dan utusan-Nya. Semoga selawat dan salam keatas junjungan baginda, keluarganya, dan para sahabatnya.

Wahai kaum muslimin:

Panduan Rasulullah *-sallallahu 'alaihi wasallam-* merupakan panduan yang terbaik. Metode baginda adalah metode yang paling sempurna. Gaya pergaulan baginda adalah gaya pergaulan yang paling mulia. Pemuda zaman ini merupakan harapan dan tunggak kekuatan umat. Barang siapa yang mengharapkan kebaikan pada para pemuda, hendaklah dia mengikuti panduan Nabi *-sallallahu 'alaihi wasallam-* dalam bergaul bersama mereka.

Kesan daripada perhatian dan peliharaan Nabi *-sallallahu 'alaihi wasallam-* yang sangat besar terhadap para sahabat baginda yang kecil dan yang berusia muda, mereka pun berhasil mendapatkan ilmu, dan umat telah mendapat manfaat daripada mereka.

Diantara tanda taufiq dari Allah bagi kanak-kanak kecil, adalah ketika Dia memudahkan para pengajar yang mengajarkan Islam kepada mereka, dan mendidik mereka dengan akhlak para nabi *-'alaihimussalam-*. Oleh

karena itu, hendaknya para orang tua berusaha untuk memenuhi hal tersebut bagi mereka.

Kemudian ingatlah, bahawa Allah memerintahkan kalian untuk mengucapkan selawat serta salam keatas Nabi-Nya...

خطبة الجمعة

١٤٤٣/٠٦/١١ هـ



فضيلة الشيخ الدكتور

عبدالمجيد بن محمد القاسم

امير وخطيب المسجد النبوي الشريف

بعنوان

هَدْيُ النَّبِيِّ ﷺ مَعَ الصَّغَارِ وَالشَّبَابِ

مترجمة باللغة الماليزية



a-alqasim.com



FawaidAlQasim